



**TEKS UCAPAN
YANG BERUSAHA TUAN IR. HAJI CHEREMI BIN HAJI TARMAN,
TIMBALAN YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN
SELAYANG**

**DI MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
BAGI BULAN APRIL DAN SAMBUTAN AMBANG RAMADAN**

**5 APRIL 2022 (SELASA)
8.30 PAGI, DEWAN KERAIAN, TINGKAT 8, MENARA MPS**

Bismillahirrahmanirrahim.....

Terima kasih pengacara majlis,

Yang Berusaha Tuan Mohd Yazid bin Sairi
Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj.Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh,
Orang Kaya Maha Bijaya Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri,
Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Barisan ahli-ahli Jawatankuasa Kelab Sukan dan Kebajikan,
Majlis Perbandaran Selayang

Barisan ahli-ahli Jawatankuasa ANULAE
Cawangan Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, Pegawai-pegawai, tuan-tuan, puan-puan
warga MPS sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Pertamanya, sukalah saya melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapatlah kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan bagi bulan April 2022 dan Sambutan Ambang Ramadan pada pagi yang berbahagia ini.
2. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua MPS kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan pada pagi ini. Terima kasih juga atas kehadiran semua warga MPS dan diharapkan semoga kita sama-sama memperoleh keberkatan dan rahmat dari Allah SWT sempena bulan Ramadan ini.

YAD Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Seperti semua sedia maklum, Ramadan yang datang kepada kita setahun sekali membawa berbagai-bagai keberkatan dan kerahmatan dari Allah S.W.T. Sewajarnya setiap muslim mengambil kesempatan daripada ketibaan bulan Ramadan Al-

Mubarak dengan memperbanyakkan amal-amal soleh sama ada di siang hari atau di malamnya.

4. Begitupun, berpuasa dan beramal ibadah di bulan ini tidak boleh dijadikan sebagai halangan untuk kita lupa tanggungjawab kita sebagai pekerja kerana kerja juga merupakan ibadah dan saya berharap semua kakitangan dapat mengekalkan produktiviti sepanjang bulan Ramadan ini.
5. Penat berpuasa bukan alasan yang baik untuk anda kurang bekerja. Ramadan adalah zon perubahan yang perlu diteliti dan difahami. Puasa sebulan adalah peluang untuk kita menahan diri dari segala kejahatan dan seharusnya menjadi pemangkin individu menjadi lebih baik selepas Ramadan dan seterusnya.
6. Oleh itu saya berharap walaupun kita berada di bulan puasa tetapi perancangan dan sasaran kerja tahunan masih perlu diberikan perhatian. Kini kita telah berada di bulan April dan seharusnya segala perancangan kerja telah digerakkan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

YAD Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Untuk makluman, MPS melalui Kelab Sukan dan Kebajikan, ANULAE, AKRAB dan MBJ telah mengaturkan beberapa program sepanjang bulan Ramadan ini khas untuk semua kakitangan MPS.
8. Antara program yang telah diatur adalah Program Tadarus pada Isnin hingga Rabu, Tazkirah setiap hari Khamis dan bacaan Yasin/ Al-Mathurat pada setiap hari Jumaat.
9. Saya berharap agar semua kakitangan MPS dapat mengambil peluang yang ada ini untuk bersama-sama melibatkan diri beribadah agar dilipat gandakan lagi pahala di bulan yang mulia ini.
10. Alhamdulillah pada pagi ini juga kita akan disajikan dengan ceramah agama sempena Ramadan yang akan disampaikan oleh Yang Berbahagia Ustaz Al-Fadhil Ustaz Zulhazwan. Adalah diharapkan kita semua akan beroleh manfaat akan segala ilmu yang akan dikongsikan kepada kita sebentar nanti.

YAD Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Saya tidak bercadang mengambil masa yang lama untuk berucap. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kelab Sukan dan Kebajikan, ANULAE, AKRAB dan MBJ MPS atas usaha mengadakan program sepanjang bulan Ramadan ini.
 12. Tahniah juga diucapkan kepada Puan Ruzani binti Sohot yang telah dilantik sebagai Pengurus ANULAE Cawangan Majlis Perbandaran Selayang yang baharu bagi Sesi 2022/2023 menggantikan Tuan Haji Jamaluddin bin Mat Dari yang bersara pada 20 Februari 2022.
 13. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021 yang telah diadakan pada Jumaat lepas dengan jayanya. Tahniah kepada semua penerima dan tahniah juga diucapkan kepada semua pihak yang bertungkus-lumus untuk menjayakan majlis tersebut.

14. Akhir kalam, sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa kepada semua. Semoga kita dapat menjalani ibadah puasa ini dengan penuh azam bagi mendapat keredhaan Allah S.W.T.. Semoga berkat berpuasa yang dilalui sepanjang Ramadan ini juga akan menjadikan kita umat yang lebih baik.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassala mualaikum warrahmatullahi wabarakatuh....

Sekian, terima kasih.